

Hidangan KFC, Pizza Hut terpilih eksklusif buat ahli PLUSMiles

84 31.8.19 (38)

SEMPENA sambutan kemerdekaan kali ini, QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands) telah bekerjasama dengan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menawarkan promosi ganjaran eksklusif PLUS-Miles di lebih 940 cawangan restoran KFC dan Pizza Hut seluruh Malaysia.

Bermula 29 Ogos 2019, ahli PLUSMiles boleh menikmati ganjaran berbentuk hidangan daripada restoran KFC dan Pizza Hut dengan menebus mata PLUSMiles terkumpul me-

nerusi aplikasi mudah alih PLUS dan ia istimewa untuk jangka masa terhad.

Mata PLUSMiles itu dikumpul menerusi perjalanan di lebuh raya PLUS dengan mendaftarkan mana-mana kad *Touch 'n Go* mereka di plusmiles.com.my untuk mengaktifkan pengumpulan mata.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan QSR Brands, Datuk Seri Mohamed Azahari Mohamed Kamil, pelanggan sentiasa menjadi keutamaan.

"Kami mahu mencipta

detik istimewa buat pelanggan menerusi kempen ganjaran terbaharu bersama PLUS. Semoga kempen ini memberi keceriaan kepada rakyat Malaysia kerana keenakan hidangan KFC dan Pizza Hut nanti mereka sepanjang perjalanan bersama PLUS-Miles," katanya menerusi kenyataan akhbar.

Ahli PLUSMiles boleh menikmati hidangan terpilih KFC dan Pizza Hut sehingga 14 Oktober 2019. Maklumat lanjut layari www.plusmiles.com.my.



Ahli PLUSMiles boleh menebus ganjaran dengan pilihan hidangan daripada KFC dan Pizza Hut menggunakan mata PLUSMiles.